

Rakyat perlu teruskan usaha PM

UM 20 OCT 2003

KUALA LUMPUR 19 Okt. — Rakyat Malaysia perlu meneruskan atau membudayakan pesanan, usaha dan semangat serta kesungguhan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam memajukan negara sebagai hadiah yang terbaik untuk persaraannya akhir bulan ini.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr. Siti Zaharah Sulaiman berkata, kesemua aspek yang murni dan terpuji itu boleh ditanamkan pada sanubari semua orang dalam melakukan apa juga kerja harian mereka.

“Saya rasa inilah hadiah terbaik untuk persaraan Perdana Menteri walaupun beliau sendiri tidak sukakan pujian yang keterlaluan dan tidak pernah meminta untuk dibalas,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan ‘Larian Perdana Budimu Di

Hatiku’ sebagai penghargaan kepada Dr. Mahathir yang akan bersara pada 31 Oktober ini, di Menara Kuala Lumpur, di sini hari ini.

Siti Zaharah berkata, segala usaha penghargaan rakyat setakat ini masih boleh dianggap sedikit jika dibandingkan dengan limpahan jasa yang telah dicurahkan oleh Perdana Menteri dalam memacu bangsa dan negara ke arah kecemerlangan.

Abadikan

Siti Zaharah menegaskan, banyak mesej dan nasihat Dr. Mahathir itu juga boleh terus diamalkan apatah lagi pelbagai pengaruh dan elemen tertentu mungkin menyerang negara secara di luar kawalan dan tanpa disedari.

“Kepada anak-anak, remaja, para pelajar, golongan pekerja, penyumbang masyarakat, NGO (perusahaan bukan kerajaan), marilah

kita abadikan sifat baik beliau itu sebagai pakaian harian kita. Insya Allah, kita akan mencapai kejayaan seterusnya,” katanya.

Terdahulu beliau turut melancarkan pengedaran percuma cake- ra padat berjudul ‘Interaktif Memoir Perdana Menteri’ kepada 3,800 peserta Larian sejauh 3.5 kilometer itu serta penyerahan poskad gergasi ‘Budimu Di Hatiku’ yang dinaikkan ke puncak Menara Kuala Lumpur.

Sebanyak 10,000 poskad percuma juga diedarkan kepada peserta larian dan pelawat Menara Kuala Lumpur untuk memberi peluang kepada mereka menyampaikan perasaan terima kasih dan penghargaan kepada Dr. Mahathir.

Pada larian itu, Givalan Hariwaja muncul juara kategori Lelaki Senior; Amotha Arumugam (Wanita Senior); Ganapathy Sivalingam (Lelaki Junior) dan S. Sanggeetha (Perempuan Junior).